

**NO. SOALAN: 41**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN  
[ SEPANG ]**

**TARIKH : 4 APRIL 2018**

**RUJUKAN : 10641**

**SOALAN:**

**Tuan Mohamed Hanipa Bin Maidin [ Sepang ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan setelah pihak polis memanggil Tun  
Siti Hasmah baru baru ini, adakah Tun Siti Hasmah juga akan  
didakwa dan jika ya, kenapa dan atas tuduhan apa dan jika tidak,  
kenapa.**

83

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**PDRM telah menyiasat berkait Dang Wangi repot 24467/17 berkenaan satu himpunan Wanita Bantah Politik Toksik yang diadakan di hadapan Kompleks Maju Junction, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada 10 September 2017.**

**Percakapan Tun Dr. Siti Hasmah diambil sebagai keperluan untuk melengkapkan kertas siasatan yang dijalankan memandangkan beliau turut hadir bersama dengan penama-penama lain dalam perhimpunan tersebut.**